

Praktis Pengukuhan 1

Bulatkan kata bilangan yang terdapat dalam ayat-ayat di bawah. Kemudian, kelaskan kata bilangan tersebut mengikut jenisnya.

Ayat	Jenis kata bilangan
1 Pasar tani itu dibuka pada setiap pagi Sabtu dan Ahad.	
2 Azura hanya sempat menyiapkan dua pertiga daripada soalan Matematik semasa guru memberitahu masa menjawab soalan tamat.	
3 Kedua-dua orang anak Pak Ramli ditangkap oleh polis kerana mencuri.	
4 Emak menyiang berpuluhan-puluhan ekor ikan tenggiri untuk dibuat bebola ikan.	
5 Semua murid dikehendaki mematuhi peraturan sekolah.	
6 Para sukarelawan memberikan bantuan kepada mangsa banjir.	
7 Sarah berasa amat kecewa kerana dia hanya mendapat tempat ketiga dalam pertandingan melukis.	
8 Berbagai-bagai jenis juadah yang enak dimasak oleh emak untuk majlis kelahiran adik.	

Praktis Pengukuhan 2

Garisi kata bilangan yang paling sesuai.

- 1 Pantai Port Dickson menyediakan (pelbagai, berbagai) kemudahan untuk para pengunjung.
- 2 Emak menyusun (setiap, beberapa) naskhah majalah yang berselerak di ruang tamu.
- 3 Abang saya mendapat tempat (dua, kedua) dalam acara lompat tinggi semasa sukan tahunan di sekolahnya.
- 4 Sudah hampir (satu jam setengah, satu setengah jam) saya menunggu Damia di perpustakaan.
- 5 (Para-para, Para) penonton terpesona melihat kelembutan gerak tari penari-penari yang mempersembahkan tarian kipas.
- 6 Sudah (berbulan, berbulan-bulan) lamanya anak Mak Ani tidak pulang ke kampung untuk menjenguknya.
- 7 (Berapa, Beberapa) orang penduduk Taman Midah menghidap demam denggi.
- 8 (Setengah, Sesetengah) orang tidak gemar akan makanan yang pedas.